



TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT DATO SERI SETIA
AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MAJLIS MUSABAQAH TILAWATIL QURAN
BELIA KEBANGSAAN PERINGKAT AKHIR
1444H/2023M**

**HARI KHAMIS,
04 ZULHIJAH 1444 BERSAMAAN 22 JUN 2023
8.00 MALAM**

**BERTEMPAT:
DEWAN DIGADONG
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiyaie Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan selaku Pengerusi Majlis.

Yang Mulia barisan juri dan hakim, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Qari dan Qariah, para Ibu Bapa, Hadirin dan Hadirat yang dihormati, khususnya para belia yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat sama-sama berkumpul dalam majlis yang penuh berkah dan rahmat ini, iaitu Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir bagi tahun 1444 Hijrah bersamaan 2023 Masihi.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan yang diungkayahkan pada setiap tahun ini merupakan antara inisiatif dan strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menggalakkan lagi penglibatan para belia untuk meminati dan mendalami Al-Quran sekali gus melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi untuk diketengahkan bersaing di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah, penganjuran Musabaqah Tilawatil Al-Quran yang dibukakan kepada para belia ini juga secara tidak langsung cukup memberikan impak yang berterusan dalam memangkin dan memacu generasi muda di negara ini untuk menguasai kemahiran ilmu Al-Quran dengan memahami setiap isi yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran tersebut. Sepertimana Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menggesa dan menyeru umatnya agar sentiasa membaca Al-Quran serta mendalami dari segi bacaannya.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Mempersiapkan belia dengan ilmu Al-Quran serta menghiasi akhlak dan keperibadian yang mulia dalam diri mereka memang tidak dapat dipisahkan dengan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian. Ini bermakna, penghayatan dan pembacaan Al-Quran ini seharusnya bukan sahaja untuk pertandingan malah dipraktikkan sebagai amalan hidup sehari-hari.

Melahirkan generasi Al-Quran yang berakhlak mulia adalah selaras dengan visi Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035. Belia seperti ini menjadi harapan negara kerana mereka akan menjadi pemimpin negara dengan acuan Islam pada masa hadapan. Belia yang beramal dengan Al-Quran dalam segala perilaku, budi pekerti dan akhlaknya sudah setentunya mampu memimpinnnya ke arah kebaikan. Belia yang sentiasa mengingati Allah, maka akal nya akan dibimbing Allah kepada kebaikan dan seterusnya memantapkan keimanannya. Sebagaimana firman Allah subhanahu wa taala dalam surah Al-Anfal, ayat 2 yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.”

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Dalam kesempatan ini, Peramba/Kaola/Saya sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas inisiatif yang berterusan dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan bersama agensi-agensinya yang berkaitan dalam mengadakan Program Kemahiran Ilmu Al-Quran ringkasnya K.I.A.

Program ini telah membantu para belia untuk meningkatkan kemahiran membaca dan mutu pertandingan dengan membuat penyelarasan format dari sudut penilaian penghakiman di Peringkat Belia Kebangsaan dan Bahagian Dewasa Kebangsaan. Inisiatif ini juga sudah setentunya merupakan usaha pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan mutu bacaan serta penguasaan bacaan secara berlagu para peserta dapat dipertingkatkan.

Untuk akhirnya, Peramba/Kaola/Saya sukacita menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua peserta yang turut serta dalam Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan pada tahun ini khususnya para peserta yang telah berjaya mara ke peringkat akhir.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) atas sumbangan berupa Akaun Tekad Haji kepada johan, naib johan dan tempat ketiga musabaqah. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada ahli jawatankuasa, agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama, panel hakim dan semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan majlis ini. Semoga segala tenaga dan usaha yang telah dicurahkan ini mendapat ganjaran daripada Allah subhanahu wa taala jua.

Sekian, Wabbilahit Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.